

# Perdana Menteri mahu kejadian samun ditangani segera

PUTRAJAYA 2 Ogos - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan kebimbangannya mengenai kejadian samun dan keganasan yang berlaku dan meminta pihak berkuasa berbuat sesuatu bagi menangani perkara itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad berkata kebimbangan itu disuarakan oleh Perdana Menteri selepas mendengar taklimat yang disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ong Ka Ting berhubung kejadian

samun melibatkan pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR) yang mati ditetak Ahad lepas, dalam mesyuarat Kabinet hari ini.

"Pak Lah mengambil perhatian perkara itu dan sesuatu perlu dilakukan bagi memastikan lebih ramai anggota polis, lebih banyak kereta polis membuat rondaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet peringkat kementerian di sini hari ini.

Pada Ahad lepas, seorang pelajar kolej TAR mati ditetak dua penyamun menggunakan sebi-

lah parang kira-kira 100 meter dari asramanya di Jalan 27/27B, Desa Setapak di Kuala Lumpur.

## Inisiatif

Dalam kejadian pukul 8.35 malam itu, Lee Kean Yip, 18, yang berasal dari Tasek, Ipoh, Perak dalam perjalanan pulang ke asramanya di Kondominium TAR Villa di sini selepas makan malam di restoran berhampiran.

Katanya, beliau selaku Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Rang Undang-Undang

Kanun Keseksaan (Pindaan 2004) dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan 2004) telah mengambil inisiatif tertentu.

"Kami telah meminda undang-undang, peragut kini akan didakwa di bawah kesalahan rompakan mengikut Seksyen 390 Kanun Keseksaan, dan bukan lagi Seksyen 379, yang membawa hukuman penjara 14 tahun dan sebatan," katanya.

Beliau berkata jawatankuasa berkenaan juga telah membuat pindaan yang membo-

lehkan aduan dibuat di balai polis, pondok polis dan melalui anggota polis.

"Jawatankuasa telah meminda undang-undang di bawah Seksyen 107 Kanun Tatacara Jenayah yang menetapkan seseorang boleh membuat laporan sama ada di balai polis, pondok polis atau malahan melalui anggota polis, dan mereka wajib menerima laporan itu," katanya.

Katanya pindaan itu akan diwartakan dalam tempoh sebulan.